

EFFECTIVENESS OF HALAL COURSES AND TRAINING FOR DIPLOMA IN HALAL MANAGEMENT STUDENTS UITM NEGERI SEMBILAN BRANCH

KEBERKESANAN KURSUS DAN LATIHAN HALAL KEPADA MAHASISWA DIPLOMA PENGURUSAN HALAL UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Nurul Atikah Poniranⁱ & Siti Aishah Sokhibul Fadilⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan. nurul2350@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan. sitia833@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>The halal industry has become an important entity in the national management ecosystem and has great potential to be developed globally. Efforts to bolster the industry need to be mobilized together to remain in the Malaysian market. The role of halal training institutes and courses should also be strengthened to help understanding and awareness to the community on halal and its importance. However, the management of an institute that is not well managed will affect the process of conducting halal courses and training to the participants and subsequently the halal standards required cannot be met by the Halal Executive or the staff who manage in a company. Thus, this study was conducted to examine the reasons for halal training and the effectiveness of organizing courses organized by the University of Malaya Halal Research Centre (UMHRC). Quantitative approach was selected in the study through the circulation of this questionnaire and analyzed the data descriptively on 49 samples using the IBM SPSS Statistics version 23 software. Elements of reason for participating in courses by students and the level of effectiveness of organizing courses and training are the main indicators in this study. The results of the study found that the Halal courses and training organized by UMHRC had a positive impact on students and improved students' understanding in management of the halal industry. In conclusion, this study helps to provide input to the institute to make improvements in the organization of courses and training as well as beneficial to the students as an added value to the students' knowledge and career prospects.</i></p> <p>Keywords: <i>Diploma, Halal, Management, Training, UMHRC.</i></p>
Abstrak	<p><i>Industri halal menjadi satu entiti penting dalam ekosistem pengurusan negara dan berpotensi besar untuk dikembangkan di peringkat global. Usaha mengglobalkan industri ini perlu digembleng bersama agar terus kekal dalam pasaran di Malaysia. Peranan institut latihan dan kursus halal juga perlu diperkasa bagi membantu memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat mengenai halal dan kepentingannya. Namun begitu, pengurusan institut yang tidak diurus dengan baik akan menjejaskan proses pengendalian kursus dan latihan halal kepada peserta dan seterusnya standard halal yang diperlukan tidak dapat dipenuhi oleh Halal Eksekutif atau staf yang mengelola dalam sesebuah syarikat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sebab mengikuti latihan halal dan keberkesanan penganjuran kursus anjuran</i></p>

	<p><i>University of Malaya Halal Research Centre (UMHRC). Pendekatan kuantitatif telah dipilih dalam kajian melalui edaran borang soal selidik ini dan menganalisis data secara deskriptif terhadap 49 sampel menggunakan perisian IBM SPSS Statistics version 23. Elemen sebab menyertai kursus oleh mahasiswa dan tahap keberkesanan penganjuran kursus dan latihan menjadi indikator utama dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati penganjuran kursus dan latihan Halal anjuran UMHRC memberi impak positif kepada mahasiswa dan meningkatkan kefahaman mahasiswa terhadap pengurusan industri halal. Kesimpulannya, kajian ini membantu memberi input kepada pihak institut membuat penambahbaikan penganjuran kursus dan latihan serta bermanfaat kepada mahasiswa sebagai nilai tambah ilmu dan prospek kerjaya mahasiswa.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Diploma, Pengurusan, Halal, Latihan, UMHRC.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Kursus halal merupakan satu latihan yang diberikan bagi memantapkan lagi keahlian mahasiswa dalam bidang pengurusan halal yang luas. Pendedahan kursus halal kepada mahasiswa Diploma Pengurusan Halal supaya lebih bersedia berhadapan dunia industri halal. Seiring dengan kemajuan halal di Malaysia yang memerlukan eksekutif halal yang kompeten, maka pendekatan diambil dengan pelaksanaan latihan halal bagi meluaskan lagi pengalaman dunia industri halal yang pelbagai. Walaubagaimanapun, tidak semua bidang di perkenalkan kepada mahasiswa ketika mengikuti sesi pembelajaran di Universiti. Tambahan pula, dunia industri halal terdiri daripada farmeutikal halal, peranti perubatan halal, rantaian bekalan halal, sembelihan halal, makanan halal dan premis makanan halal.

Beberapa kajian yang berkaitan penekanan kursus telah dijalankan seperti keberkesanan latihan: pengalaman sebuah agensi pengembangan di Malaysia yang dijalankan sebagaimana kajian oleh Nor Mohd Zulkainan & Mazanah (1998) menyatakan bahawa berkesannya sebuah latihan dan kursus ini adalah hasil peranan penting daripada sudut komitmen peserta, trainer yang berpengalaman dan pihak pengurusan yang menganjurkan program yang memberi manfaat terus kepada peserta. Kajian oleh Mohd Shahrir & Mohd Rakime (2018) pula mendapati kursus secara umumnya dapat memberikan mahasiswa pendedahan kepada alam pekerjaan mengenai tugas di dalam organisasi serta persediaan untuk menghadapi temuduga pekerjaan yang sebenar. Selain itu, beliau juga berpandangan bahawa kursus dapat membina personaliti mahasiswa yang positif, kemahiran berkomunikasi serta pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar. Selain itu, kajian oleh Hazwani & Nor Aishah (2018), pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat perlu dikukuhkan dalam kalangan mahasiswa supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sekaligus meningkatkan nilai tambah dalam diri mahasiswa.

Selain itu, kajian Noraizan, & Syuhaida Idha A.R. (2019) menyatakan mahasiswa dalam kalangan mahasiswa Sekolah Menengah tidak mempunyai kesedaran dan kepenggunaan halal dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, beliau mencadangkan penambahbaikan kurikulum pembelajaran Pendidikan Islam dengan menambahkan secara khusus tajuk berkaitan konsep dan produk halal kerana mahasiswa boleh mengamalkan budaya pemilihan produk halal. Begitu juga dalam kajian Mohammad Aizat et al. (t.th) menyatakan institut latihan halal di Malaysia sudah berkembang pesat sekaligus ia memberikan kesan dalam pembangunan pendidikan halal di Malaysia dan terhadap individu yang menyertai. Tambahan lagi, beliau menyatakan modul institut latihan halal ini membantu keperluan industri makanan halal, logistik, farmaseutikal, kosmetik dan alat penjagaan peribadi sebagai satu latihan individu sebelum menjejakkan kaki ke dalam dunia industri halal.

Berdasarkan keperluan semasa bagi memenuhi keperluan industri, inisiatif program kesedaran dan kefahaman yang jelas ini memberi peluang terhadap mahasiswa memahami konsep halalan toyyiban. Penubuhan institusi yang terdiri daripada badan

bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan institusi latihan swasta. Setiap institusi ini mempunyai visi dan misi organisasi tersendiri. Bagi meneliti peranan institusi latihan halal di Malaysia, berikut dijelaskan institusi latihan yang terlibat dalam pembangunan kesedaran dan kefahaman halal mahasiswa Diploma Pengurusan Halal (Mohammad Aizat et al., 2013).

Latihan dan kursus untuk mahasiswa ialah aktiviti organisasi yang penting kerana pengaruhnya terhadap produktiviti mahasiswa ketika keluar bekerja kelak (Poon, 1994). Program latihan dan kursus memberi mahasiswa peluang untuk berkembang dan maju dalam kerjaya masa hadapan samaada dalam atau luar organisasi. Latihan ialah segala usaha terancang organisasi untuk memudahkan pembelajaran tingkah laku kerja yang tertentu (Poon, 1994). Pelaksanaan latihan ini bertujuan memperbaiki prestasi semasa dan prestasi masa depan mahasiswa dengan meningkatkan kebolehan mahasiswa dalam melakukan tugas-tugas mereka supaya objektif-objektif organisasi dapat dicapai.

Pelbagai institusi telah menjalankan kursus halal kepada mahasiswa dan orang awam. Antara institusi yang menawarkan kursus dan latihan halal Badan Bukan Kerajaan seperti Halal Industry Development Corporation (HDC) yang menawarkan kursus halal seperti Kursus Eksekutif Halal dan Program Kesedaran Halal, seterusnya penawaran kursus daripada Institut Pengajian Tinggi iaitu UMHRM (Pengenalan Halal dan Haram dan Pensijilan Halal) (UMHRM, 2014; Mohammad Aizat et al., 2013). Kejayaan dan keberkesanan penyampaian ilmu dalam latihan dan kursus adalah bergantung kepada penganjuran kursus oleh institusi yang terlibat. Namun begitu, pengkaji dapati tiada kajian khusus yang mengkaji tentang keberkesanan penganjuran kursus halal. Justeru, satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti sebab peserta mengikuti kursus dan keberkesanan penganjuran kursus dan latihan halal yang dianjurkan oleh UMHRM.

Justifikasi pemilihan institut UMHRM kerana ia merupakan pusat penyelidikan di Universiti Malaya yang telah beroperasi sejak tahun 2014 selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global. UMHRM menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan konsultasi dan latihan halal, bengkel halal kursus pendek dan latihan halal profesional (UMHRM, 2014). UMHRM juga telah dilantik sebagai salah sebuah rakan strategik di bawah Malaysia International Halal Academy (MIHA), JAKIM. MIHA merupakan salah satu unit di bawah JAKIM yang melaksanakan program pembangunan kapasiti dari sudut latihan dan bimbingan halal sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa (UMHRM, 2014).

Responden dalam kajian ini pula tertumpu kepada 49 mahasiswa Diploma Pengurusan Halal UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Justifikasi pemilihan responden adalah kerana bidang pengurusan halal merupakan bidang pengkhususan pengajian mahasiswa dan menjadi keperluan kepada mereka sebagai nilai tambah kemahiran. Antara kursus yang terdapat dalam pelan pengajian mahasiswa berkaitan dengan bidang halal adalah *Introduction to halal, Halal Standard, Application in Halal and Haram, Malaysian Halal Law, Principle of Food Science, Halal Slaughtering and Practical* dan *Food Technology for Halal*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran instrumen borang soal selidik secara elektronik kepada 76 orang responden dan seramai 49 responden (64.5%) telah memberi maklum balas terhadap soal selidik yang diberikan. Pembinaan soalan adalah berdasarkan objektif kajian yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi 2 item berkaitan demografi responden, bahagian B 1 item berkaitan sebab mengikuti kursus manakala bahagian C pula mengandungi 2 item yang berkaitan dengan kursus yang dihadiri responden dan keberkesanan penganjuran kursus. Struktur soalan dalam bahagian A menggunakan butiran tertutup pada item yang pertama dan item dua menggunakan butiran pilihan yang disediakan. Bahagian B pula, item 4 menggunakan 5 skala likert (1: sangat rendah, 2: rendah, 3: sederhana, 4: tinggi, 5: sangat tinggi) pada butiran pilihan yang disediakan dan menerima lebih satu pilihan jawapan.

Seterusnya bahagian C menggunakan butiran pilihan yang disediakan bagi item 4 manakala item 5 menggunakan 4 skala likert (1: sangat tidak berkesan, 2: kurang berkesan, 3: berkesan, 4: sangat berkesan) bagi setiap soalan.

Kesemua data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics* 23 untuk mendapatkan jumlah kekerapan dan peratusan bagi item 1, 2 dan 4 manakala item 3 dan 5 dianalisis menggunakan nilai skor min bagi menghuraikan dan membuat perbincangan dapatan yang diperolehi daripada maklum balas responden.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menganalisis dapatan kajian dan perbincangan berikut:

Latar Belakang Responden

Berdasarkan jadual 1 seramai 47 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 36 (76.6%) responden perempuan dan 11 (23.4%) responden adalah lelaki. Responden di semester 3 merupakan yang tertinggi menghadiri kursus dan latihan halal iaitu seramai 18 (38.3%) manakala responden semester 2 adalah terendah iaitu seramai 2 (4.3%). Lain-lain responden pula terdiri daripada part 4 iaitu 15 (31.9%) responden, part 5 dengan 9 (19.1%) responden dan part 1 dengan 3 (6.4%) responden.

Jadual 1: Latar belakang responden

Item	Kekerapan	Peratus
1. Jantina		
Lelaki	11	23.4%
Perempuan	36	76.6%
2. Bahagian /Semester		
PART 1	3	6.4%
PART 2	2	4.3%
PART 3	18	38.3%
PART 4	15	31.9%
PART 5	9	19.1%
Jumlah	47	100.0%

Sebab Mengikut Kursus Latihan UMHRC

Analisa dapatan seterusnya adalah untuk mengenalpasti sebab responden menyertai kursus dan latihan halal. Mahasiswa dipengaruhi oleh sebab tertentu untuk mengikuti kursus latihan yang dianjurkan UMHRC, antara sebab tersebut ialah minat, ilmu baru, nilai tambah maklumat semasa, sahabat/ rakan, keluarga, pensyarah, kewangan dan paksaan. Data dianalisa menggunakan interpretasi skor min skala tiga likert yang mengandungi lima mata sebagaimana dalam jadual 2 (a).

Merujuk kepada jadual 2 (b), secara keseluruhannya 6 sebab responden menyertai kursus mendapat nilai skor min yang tinggi melebihi 3.51-5.00 manakala satu sebab masing-masing berada pada nilai min sederhana dan rendah. Skor min tertinggi sebab responden menyertai kursus adalah ilmu baru dengan min 4.61, diikuti sebab nilai tambah maklumat semasa dengan min 4.59, kemudian sebab minat dengan min 4.26. Bagi skor min tinggi melebihi 3.51 pula adalah daripada galakkan pensyarah (nilai min 3.93), keluarga (nilai min 3.71) dan sebab sahabat (nilai min 3.58). Namun begitu, bagi sebab kewangan dapatan menunjukkan nilai min yang sederhana (3.35) dan paksaan menjadi sebab terendah dengan skor min 2.00.

Jadual 2 (a) Interpretasi skor min skala likert tiga min

Nilai Skor Min	Tahap
1.00 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 5.00	Tinggi

Jadual 2 (b) : Sebab mengikuti latihan halal anjuran ACIS dan UMHRC

Item 3: <u>Sebab mengikuti kursus latihan anjuran UMHRC</u>	Sangat rendah		Rendah		Sederhana		Tinggi		Sangat tinggi		Jumlah		Interpretasi
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	SP	Min	
Minat	0	0.0	0	0.0	6	12.8	22	46.8	18	38.3	.681	4.26	Tinggi
Ilmu baru	0	0.0	0	0.0	0	0.0	18	38.3	28	59.6	.493	4.61	Tinggi
Nilai tambah maklumat semasa	0	0.0	0	0.0	0	0.0	19	40.4	27	57.4	.498	4.59	Tinggi
Sahabat/rakan	2	4.3	5	10.6	13	27.7	15	31.9	10	21.3	1.097	3.58	Tinggi
Keluarga	0	0.0	5	10.6	12	25.5	14	29.8	10	21.3	.981	3.71	Tinggi
Pensyarah	0	0.0	3	6.4	10	21.3	19	40.4	13	27.7	.889	3.93	Tinggi
Kewangan	4	8.5	5	10.6	9	19.1	17	36.2	5	10.6	1.167	3.35	Sederhana
Paksaan	24	51.1	3	6.4	4	8.5	7	14.9	2	4.3	1.377	2.00	Rendah
Min keseluruhan											.898	3.75	Tinggi

Nota :, K-kekerapan, SP-Sisihan Piawai

Penganjuran Kursus Dan Latihan Halal Anjuran UMHRC

Berdasarkan jadual 3 (a) di bawah, analisa dilakukan untuk mengenalpasti penganjuran kursus Latihan Halal anjuran UMHRC yang dihadiri responden. Hasil kajian mendapati seramai 22 (46.8%) responden telah menyertai kedua-dua kursus iaitu Fiqh Halal dan Pensijilan halal. Kemudian, seramai 16 (34%) responden telah menyertai kursus pensijilan halal dan 9 (19.1%) menyertai Fiqh Halal.

Jadual 3 (a) : Kursus UMHRC yang dihadiri responden

Item 4: <u>Latihan anjuran UMHRC yang dihadiri</u>	Kekerapan	Peratus
Kursus UiTM 101-Fiqh Halal dan Kursus UiTM 102- Pensijilan Halal	22	46.8
Kursus UiTM 101_Fiqh Halal	9	19.1
Kursus UiTM 102-Pensijilan Halal	16	34.0
Jumlah	47	100.0

Seterusnya, bahagian ini juga akan menganalisis keberkesanan kursus dan latihan halal UMHRC terhadap responden menggunakan tiga skala likert dengan mengandungi 4 mata sebagaimana dalam jadual 3 (b). Kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan penganjuran latihan halal bagi Fiqh Halal dan Pensijilan Halal daripada sudut aplikasi pembelajaran kursus, tempoh kursus, penyampaian ceramah, bahan kursus, susun atur kursus. Berdasarkan jadual 3 (c), dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan kedua-dua kursus yang dihadiri oleh responden mendapat skor min tinggi melebihi nilai min 3.01 dengan min 3.54 bagi kursus Fiqh Halal dan 3.50 bagi kursus pensijilan halal.

Bagi kursus Fiqh Halal, item penyampaian penceramah mendapat nilai min tertinggi iaitu 3.68. Manakala, diikuti nilai min terendah adalah item tempoh kursus yang mendapat min 3.35. Lain-lain item pula mendapat min 3.65 bagi bahan kursus, diikuti min 3.55 bagi aplikasi pembelajaran kursus dan min 3.48 bagi susun atur kursus. Seterusnya bagi kursus pensijilan halal, item penyampaian ceramah dan bahan kursus masing-masing mendapat

skor min yang sama iaitu 3.61, diikuti pula item susun atur kursus 3.48, item aplikasi pembelajaran kursus dan tempoh kursus pula mendapat min 3.47 dan 3.32.

Jadual 3 (b): Interpretasi skor min skala likert tiga min

Nilai Skor Min	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Jadual 3 (c) : Keberkesanan kursus Latihan halal anjuran ACIS dan UMHRC

Item 5 (a) : Fiqh Halal	Sangat tidak berkesan		Kurang berkesan		Berkesan		Sangat berkesan		Jumlah		Jumlah		Interpretasi
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	SP	Min	
Aplikasi Pembelajaran kursus	0	0.0	1	3.2	12	38.7	18	58.1	31	100.0	.568	3.55	Tinggi
Tempoh kursus	0	0.0	0	0.0	20	64.5	11	35.5	31	100.0	.486	3.35	Tinggi
Penyampaian Penceramah	0	0.0	0	0.0	10	32.3	21	67.7	31	100.0	.475	3.68	Tinggi
Bahan kursus	0	0.0	0	0.0	11	35.5	20	64.5	31	100.0	.486	3.65	Tinggi
Susun atur kursus	0	0.0	0	0.0	16	51.6	15	48.4	31	100.0	.508	3.48	Tinggi
Jumlah											.504	3.54	Tinggi
Item 5 (b) : Pensijilan Halal													
Aplikasi Pembelajaran kursus	0	0.0	2	5.3	16	42.1	20	52.6	38	100.0	.603	3.47	Tinggi
Tempoh kursus	0	0.0	2	5.3	22	57.9	14	36.8	38	100.0	.574	3.32	Tinggi
Penyampaian Penceramah	0	0.0	0	0.0	15	39.5	23	60.5	38	100.0	.495	3.61	Tinggi
Bahan kursus	0	0.0	1	2.6	13	34.2	24	63.2	38	100.0	.547	3.61	Tinggi
Susun atur kursus	0	0.0	0	0.0	19	50.0	19	50.0	38	100.0	.507	3.50	Tinggi
Jumlah											.545	3.50	Tinggi

Nota :, K-kekerapan, SP-Sisihan Piawai

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas menunjukkan majoriti responden yang menghadiri kursus halal UMHRC adalah mahasiswa perempuan daripada kalangan semester 3 Program Diploma Pengurusan Halal. Faktor minat, ilmu baru dan nilai tambah maklumat semasa menjadi sebab sebahagian besar responden yang menghadiri kedua-dua kursus.

Sehubungan itu juga, dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kursus yang dijalankan adalah sangat berkesan dan sangat bermanfaat kepada mahasiswa terutamanya aspek penyampaian penceramah dan bahan kursus yang disediakan. Maka di sini pengkaji melihat perkaitan faktor keberkesanan penyampaian penceramah dan bahan kursus boleh menyumbang kepada peningkatan minat dan pengukuhan ilmu baru serta memberi nilai tambah maklumat semasa kepada mahasiswa. Namun begitu, tempoh kursus yang dijalankan perlu diperhalusi atau dipertimbangkan pelaksanaannya oleh pihak penganjur pada masa akan datang.

Maka, merujuk kepada perbincangan dapatan pengkaji mencadangkan institusi yang menganjurkan kursus dan latihan halal dapat meneruskan perkhidmatan latihan

kepada mahasiwa dengan lebih proaktif untuk menawarkan kursus-kursus yang selari dengan industri semasa. Aspek galakkan daripada Institusi Pengajian Tinggi juga perlu diperkasa dan dipertingkatkan bagi mendorong mahasiswa menyertai kursus-kursus pengukuhan latihan halal bagi meningkat profesionalism mahasiswa sekaligus memenuhi keperluan industri luar mahupun dalam negara setelah tamat pengajian.

PENUTUP

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif Pembangunan kursus dan latihan halal di Malaysia menunjukkan perkembangan yang seiring dan menyeluruh. Keberkesanan latihan halal terhadap mahasiswa menyalurkan kesedaran kepentingan halalan toyyiban daripada sudut teknikal dan syariah. Malah ia turut merealisasikan impian Malaysia ke arah tujuan global halal hub. Hal ini menjadikan mahasiswa lebih kompeten dan komprehensif bersaing di bidang industri halal. Kerjasama antara institusi dan kesinambungan usaha penganjuran kursus yang berkesan perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan program pengukuhan latihan halal dapat dinikmati dan dimanfaatkan ilmu oleh mahasiswa

RUJUKAN

Buku

- Poon, M. L. June. 1994. *Pengurusan Sumber Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuhaimi Mustafa, Mohammad Aizat Jamaludin, Dzulkifli Mat Hashim, Puziah Hashim. 2013. *Farmaseutikal dan Kosmetik Halal: Isu dan Cabarannya*. Dlm: R. A. Nurdeng Deuraseh. Halalan Thoiyyibban Perspektif Malaysia, 82. Universiti Putra Malaysia: Institut Penyelidikan Produk Halal.

Jurnal

- Gunardi, S. 2021. *Konsep Halalan Tayiban (HT) Dan Aplikasinya Dalam Program Pelatihan Di Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH),Universiti Putra Malaysia (UPM)*. Journal of Fatwa Management and Research, Vol. 24(1): 63-77.
- Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang. 2018. *Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terhadap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Mahasiswa Kolej Komuniti*. Jurnal Pendidikan Malaysia, Vol. 43(1): 89-106.
- Noraizan Mohsin, Syuhaida Idha A.R. 2019. *Pendidikan Kesedaran Halal Melalui Kurikulum Pembelajaran Matapelajaran Pendidikan Islam Sekolah-sekolah Di Malaysia*. Global Journal Al-Thaqafah, Special Issue, 133-140.
- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. 2014. *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Vol. 4(1): 67-90.

Tesis

- Abdul Yazid, N. M. 1997. *Keberkesanan Latihan: Pengalaman Sebuah Agensi Pengembangan di Malaysia*. Masters Thesis, Universiti Putra Malaysia.

Internet

- Professional Certification In Halal Executive Programme. <http://www.ptss.edu.my/v9/index.php/14-sample-data-articles?start=40> (diakses pada 14 April 2021).
- UMHRC. <https://umhrc.um.edu.my/background-umhrc> (diakses pada 14 April 2021).
- Halal Awareness Course. https://halal.upm.edu.my/perkhidmatan/latihan/kursus_kesedaran_halal-1036 (diakses pada 14 April 2021.)
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Hjh Mariam Abdul Latif, Hj Saifol Bahli. 2013. *Peranan Institusi Latihan Halal dalam Pembangunan Pendidikan Halal di*

Malaysia.

https://www.academia.edu/4349748/Peranan_Institusi_Latihan_Halal_dalam_Pembangunan_Pendidikan_Halal_di_Malaysia (diakses pada 14 April 2021)

Mohd Shahrir Ahmad Zaini, Mohd Rakime Bin Shaffai. t.th. *Tahap Keberkesanan Modul Softskills (AS101) Terhadap Mahasiswa Jabatan Perdagangan Semester 5 Politeknik Melimau, Melaka Selepas Menjalani Latihan Industri.*
[http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa2/SOFTSKILLS%20LENGKAP%20-MOHD%20RAKIME%20\(1\).pdf](http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa2/SOFTSKILLS%20LENGKAP%20-MOHD%20RAKIME%20(1).pdf) (diakses pada 14 April 2021)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.